

1983

KUALA LUMPUR, 11 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MELAKSANAKAN SATU PROGRAM KHAS JANGKA PENDEK UNTUK MELATIH RAKYAT NEGERI SARAWAK BAGI MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA MAHIR DI KAWASAN PERUSAHAAN BINTULU, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

SEHINGGA AKHIR TAHUN LALU, SERAMAI 2,824 ORANG TELAH MENGIKUTI LATIHAN DALAM BERBAGAI BIDANG KETUKANGAN TERMASUK MEKANIKAL, ELEKTRIK DAN PEMBINAAN YANG DIJALANKAN DI SARAWAK DAN SEMENANJUNG MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

MENJAWAB SOALAN LISAN ENCIK MUTANG TAGAL (BN-BUKIT MAS) BELIAU BERKATA SERAMAI 991 RAKYAT TEMPATAN SARAWAK ATAU 99 PERATUS DARIPADA SEJUMLAH 997 ORANG RAKYAT MALAYSIA DIAMBIL BEKERJA OLEH 11 KONTRAKTOR ASING DI BINTULU SEHINGGA 31 JANUARI LALU. SERAMAI ENAM ORANG LAGI ADALAH DARI SEMENANJUNG MALAYSIA.

JUMLAH PEKERJA ASING YANG DIAMBIL BEKERJA OLEH KONTRAKTOR-KONTRAKTOR ITU IALAH 419 ORANG ATAU 42.3 PERATUS DARI JUMLAH PEKERJA SELURUHNYA SERAMAI 1,016 ORANG.

MENURUT PERDANA MENTERI JUMLAH PEKERJA MALAYSIA YANG TERLIBAT DALAM PERINGKAT TEKNIK DAN PENGURUSAN IALAH 48 ORANG ATAU 12 PERATUS DARI BILANGAN PEGAWAI-PEGAWAI DALAM GOLONGAN TERSEBUT.

-- LAGI 1640/PA

PARLIMEN - BINTULU 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENUBUHAN INDUSTRI-INDUSTRI KECIL DI KAWASAN PERINDUSTRIAN KIDURONG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN KAWASAN ITU TERLETAK HANYA 10 KM DARI BINTULU, BANYAK INDUSTRI SOKONGAN DAPAT DIWUJUDKAN UNTUK PROJEK-PROJEK BESAR SEPERTI GAS ASLI CECAIR (LNG), UREA DAN AMMONIA DI SAMPING PROJEK-PROJEK FOUNDRI, LOGAM DAN INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN.

SETAKAT INI KERAJAAN NEGERI SARAWAK TELAH MELULUSKAN BEBERAPA JENIS INDUSTRI TERMASUK PLASTIK, MINUMAN RINGAN, KILANG PADI, BENGKEL-BENGKEL, PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN AM DAN INDUSTRI MENCELUP TAYAR, KATANYA.

"FAEDAH DARI FAEDAH SECARA LANGSUNG DARI INDUSTRI-INDUSTRI SOKONGAN INI IALAH PENAMBAHAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN, PENINGKATAN PENDAPATAN RAKYAT TEMPATAN DAN JUGA PEMBANGUNAN DI SEKITAR KAWASAN INI," KATANYA.

SECARA LANGSUNG PULA PEMBANGUNAN YANG PESAT ITU AKAN MENGGERAKKAN EKONOMI TEMPATAN DAN JUGA DAPAT MENARIK LEBIH BANYAK PELABURAN KE KAWASAN TERSEBUT, KATANYA. -- BERNAMA 1655/PA